

Headline	Utama kan kesejahteraan rakyat, banyakkkan peluang jana pendapatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	703 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,683



Utamakan kesejahteraan rakyat, banyakkkan peluang jana pendapatan

PUTRAJAYA 7 Nov. - Keprihatinan kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan rakyat termasuk memperbanyakkan peluang menjana pendapatan terserlah dalam peruntukan Bajet 2018 apabila pelbagai inisiatif diumumkan.

Pasukan Bajet 2018 dalam kenyataannya berkata, untuk menjana pendapatan rakyat kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk program eRezeki, eUsahawan dan eLadang di bawah Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Selain itu katanya, kerajaan juga

jaan turut mewujudkan geran RM5,000 kepada pemandu teksi berdaftar untuk membeli kereta baharu selain peruntukan RM6.8 bilion untuk meneruskan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)," katanya dalam satu kenyataan.

Untuk kesejahteraan rakyat, pasukan itu berkata, kerajaan juga memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM3.9 bilion untuk menanggung subsidi barangan, pengangkutan, elektrik dan juga tol selain menyediakan 50 Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M 2.0).

memperuntukkan RM120 juta untuk pinjaman mudah Food Truck 1Malaysia (FT1M) melalui Bank Rakyat dengan subsidi kadar faedah yang berpatutan iaitu pada kadar empat peratus sahaja.

"Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk meningkatkan pendapatan pelesenan serta Program Akhir Zaman Misal Kin (1Azam) dan RM25 juta untuk Program Motosikal Roda Tiga, Program MyAGROSIS dan Program Mobilepreneur.

"Dalam masa yang sama kerajaan

Headline	Utama kan kesejahteraan rakyat, banyakkkan peluang jana pendapatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	703 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,683

“Untuk penyeragaman harga barang keperluan asas di Sabah dan Sarawak kerajaan memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM80 juta selain RM20 juta untuk Agrobazar Malaysia dengan harga jualan agro lebih rendah.

“Kerajaan juga memperuntukkan RM50 juta kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi memastikan stok makanan sentiasa berada pada kadar ber-

KERAJAAN memperuntukkan sebanyak RM25 juta untuk meningkatkan pendapatan peserta Program Motosikal Roda Tiga, Program MyAGROSIS dan Program Mobilepreneur.

patutan,” katanya.

Selain itu katanya, pengumuman pemansuhan tol di Batu Tiga dan Sungai Rasau di Selangor, Bukit Kayu Hitam di Kedah dan Eastern Dispersal Link di Johor bermula 1 Januari depan sememangnya memberi khabar gembira kepada rakyat.

“Antara berita gembira lain untuk kesejahteraan rakyat ialah pengurangan kadar cukai pendapatan individu mengikut kadar pendapatan selain meningkatkan Skim Persaraan 1 Malaysia kepada 15 peratus maksimum RM250 setahun untuk tempoh lima tahun,” katanya.

Sementara itu katanya, dalam menjamin aspek kesihatan rakyat, kerajaan juga memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM4.1 bilion untuk bekalan ubatan, barangan serta sokongan perubatan dalam pelbagai aspek.

“Untuk menjamin perkhidmatan yang berkualiti, kerajaan juga memperuntukkan RM1.4 bilion untuk menaiktaraf dan me-

nyelenggara fasiliti, peralatan perubatan, ambulan dan dewan bedah Hospital Muar, Johor, Hospital Banting, Selangor dan Hospital Balik Pulau di Pulau Pinang.

“Kerajaan juga memperuntukkan masing-masing RM500 juta untuk membina pusat kanser di Sungai Petani, Kedah dengan kapasiti 200 katil dan membina klinik pakar dan wad baharu di Hospital Pulau Pinang,” katanya.

Dalam pada itu katanya, kerajaan juga memutuskan tiada cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas pembekalan perkhidmatan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan bahan bacaan termasuk majalah dan komik terbitan berkala mulai 1 Januari depan.

“Pelepasan GST juga diberikan ke atas operator kapal persiaran bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2020. Pelepasan GST penuh juga diberikan ke atas perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah dan rumah ibadat yang dibiayai melalui sumbangan derma.

“Pengimportan peralatan berkaitan industri minyak dan gas di bawah satu perjanjian pajakan juga diberikan pelepasan GST termasuk perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan kediaman berstrata yang dibekalkan oleh badan pengurusan bersama,” katanya.

Headline	Utama kan kesejahteraan rakyat, banyakkkan peluang jana pendapatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	703 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,683



BANTUAN RM200 sebulan akan diberikan kepada pesawah bagi tempoh tiga bulan sementara menunggu hasil padi. -BERNAMA



KUTIPAN tol di Plaza Tol Batu Tiga, Shah Alam akan dimansuhkan mulai tahun 2018. -BERNAMA

